

27 SEP 2001

THAN SHWE HADIRI TAKLIMAT MENGENAI PEMBANGUNAN LANGKAWI

LANGKAWI, 27 Sept (Bernama) -- Pemimpin Myanmar, Pengerusi Majlis Pembangunan dan Keamanan Negara Jen Kanan Than Shwe dan rombongannya hari ini menghadiri taklimat mengenai pembangunan Langkawi sebagai pulau pelancongan.

Taklimat diberikan oleh Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) Datuk Zainal Karib Abdul Rahim di kompleks Lada di sini.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Pengangkutan Tan Sri Ramli Ngah Talib, yang juga menteri pengiring.

Than Shwe kemudian melawat Galeria Perdana, kompleks yang menyimpan dan mempamerkan pelbagai cenderahati yang diterima Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa lawatannya ke luar negara.

Than Shwe meluangkan masa kira-kira setengah jam di galeri yang dihiasi indah dengan kira-kira 2,500 tanda ingatan seperti kraftangan, barangan perhiasan diperbuat daripada emas, perak dan kristal, pelbagai hasil seni murni dan potret.

Pemimpin Myanmar itu dijadual berlepas pulang ke Yangon petang ini.

Malam tadi Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain meraikan Than Shwe pada majlis jamuan di Hotel Andaman di Teluk Datai di sini sempena lawatan dua hari pemimpin Myanmar itu ke pulau lagenda ini.

-- BERNAMA

NH RON